

Timbang kembali penggunaan bahasa Inggeris dalam subjek Sains dan Matematik

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Pembelajaran subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris perlu dipertimbangkan kembali supaya sejajar dengan hasrat kerajaan menuju ke arah negara maju pada tahun 2020.

Profesor Fizik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Prof. Datuk Dr. Mohd. Yusof Othman** berkata, bahasa merupakan salah satu elemen pembelajaran penting dalam mendalami bidang sains.

Beliau memberi contoh negara maju seperti Jepun dan Korea yang mementingkan bahasa ibunda sebagai bahasa utama pendidikan negara mereka.

"Kita perlu ingat, tidak semua orang pandai bahasa Inggeris. Apabila susah memahami bahasa Inggeris, apatah lagi mereka hendak faham ilmu sains tersebut," katanya ketika menghadiri sesi forum Etnosains dan Astronomi: Merintis Malayonesia di sini hari ini.

Pada pembentangan Bajet 2016



ZAINAL ABDUL AZIZ



MOHD YUSOF OTHMAN

Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan akan memperuntukkan RM135 juta bagi program Memartabat bahasa Malaysia dan Memperkukuh bahasa Inggeris.

Jelas Perdana Menteri, memandang bahasa Inggeris amat penting dalam persaingan global semasa, maka dua inisiatif diperkenalkan iaitu *Dual Language Programme* dan *Highly Immersive Programme* yang akan dilaksana-

kan secara pilihan dengan kos RM38.5 juta.

Tambah Mohd. Yusof, pengetahuan terhadap ilmu sains perlu diperkukuhkan untuk melahirkan generasi yang mementingkan sains dalam kehidupan seharian seterusnya meningkatkan tahap intelektual di negara ini.

Sementara itu, Profesor Matematik Gunaan merangkap Pengarah Pusat Matematik Industri dan Gunaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Prof. Dr. Zainal Abdul Aziz** berpen-

dapat, ilmu matematik negara perlu diolah dengan acuan sendiri kerana sistem pembelajaran yang dipraktikkan sekarang adalah mengikut acuan negara barat.

"Negara luar seperti Amerika Syarikat mula mengolah pendidikan matematik di negara mereka kerana ingin melahirkan ramai pelajar yang cerdas pandai dalam bidang tersebut berikutan sistem pembelajaran terdahulu yang gagal," katanya.